


# Haba Tenor

## Tegang Kulit & Langsingkan Badan

**A**NTARA rawatan kecantikan kulit dan badan menggunakan kaedah terkini haba radio frekuensi ialah teknik Tenor. Haba Tenor mampu memanaskan tisu-tisu kulit, anggota badan dan muka, secara sama rata. Pemanasan jauh ke dalam tisu-tisu tersebut bertujuan untuk merangsang pengeluaran kolagen. Kesannya ialah kulit menjadi bertambah tegang, memberi penampilan kulit lebih licin dan lebih sihat.





Menurut pakar perunding kecantikan-MBBS, Dr. Jeswender Singh, teknik Tenor menawarkan alternatif bebas kesakitan kepada kaedah pembedahan bagi membantu mendapat penampilan kulit lebih tegang dan membantu mengurangkan lemak serta selulit pada anggota badan supaya ia nampak lebih langsing. Selain itu, Tenor juga mampu merawat kulit bermasalah seperti garis-garis halus, kedut-kedut dan jerawat. Teknik yang telah mendapat pengiktirafan FDA (*Food and Drug Administration*) ini dikatakan berkesan digunakan untuk membantu menegang semula kulit muka kendur atau mengurangkan selulit pada paha atau lemak pada perut.

Semasa mendaftar untuk rawatan, anda akan ditanya mengenai sejarah kesihatan diri dan ukuran badan dicatat sebagai rujukan perbandingan selepas rawatan. Kemudian anda diminta berbaring atas katil sambil terapis

bertauliah menggunakan mesin rawatan Tenor. Peralatan ini mempunyai dua pemegang iaitu Unipolar dan Bipolar. Unipolar berfungsi untuk memanaskan dermal tisu kulit sedalam 2-5 mm sementara Bipolar pula bertindak untuk pemanasan atas permukaan kulit antara 0.2-0.4 mm sahaja.

Anda akan dapat merasa haba frekuensi radio menyerap jauh ke dalam kulit anda. Ini menandakan suhu haba yang diperlukan iaitu antara 40-42 darjah Celsius diperolehi untuk kesan stimulasi. Haba ini membantu pembakaran tisu-tisu kulit sambil merangsang penghasilan kolagen yang penting untuk menegang kulit. Rawatan ini hanya memakan tempoh antara 30 minit (bagi muka) hingga 45 minit (bagi perut), bergantung kepada keluasan bahagian yang dirawat.

Biasanya pelanggan akan dapat melihat kesan rawatan teknik Tenor apabila ukuran badan dicatit pada akhir sesi rawatan kali pertama ini. Kaedah teknik Tenor ini sesuai untuk kebanyakan wanita yang inginkan penampilan kulit tegang lagi sihat, sama ada muka dan badan kecuali wanita hamil. Neoasia adalah pengedar tunggal peralatan Tenor di Malaysia dan Singapura. Untuk pertanyaan mengenai pengamal Tenor berhampiran anda, sila hubungi 03-79581027 atau email info@neoasia.com.my untuk perbincangan percuma. **W**



**neoasia**  
our science  
your confidence